



TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### STATUS CADANGAN PINDAAN TERHADAP ORDINAN BURUH (SABAH BAB 67)

---

1. Bagi memastikan para pekerja di Wilayah Sabah khususnya dapat menikmati faedah dan perlindungan yang setara seperti negeri-negeri lain, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang dalam proses membuat pindaan terhadap Ordinan Buruh [Sabah Bab 67] (OBS). OBS merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di negeri Sabah dan cadangan pindaan OBS kali ini melibatkan 16 perkara iaitu:
  - i. Tafsiran;
  - ii. Liputan kepada semua pekerja diperluaskan tanpa mengira had gaji atau jenis pekerjaan;
  - iii. Penentuan siapa pekerja dan majikan;
  - iv. Memperkukuhkan peruntukan berkaitan dengan liabiliti pembayaran gaji;
  - v. Gangguan seksual;
  - vi. Larangan diskriminasi;
  - vii. Buruh paksa dalam pekerjaan;
  - viii. Menambahbaik peruntukan berkaitan dengan kanak-kanak dan orang muda;
  - ix. Perlindungan semasa mengandung;
  - x. Meningkatkan tempoh cuti bersalin;

- xi.** Waktu bekerja mingguan;
  - xii.** Cuti paterniti;
  - xiii.** Pembayaran upah;
  - xiv.** Aturan kerja fleksibel;
  - xv.** Penalti dan hukuman; dan
  - xvi.** Perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja;
2. OBS mula berkuat kuasa pada 1hb Januari 1950 dan telah diisytiharkan sebagai perundangan persekutuan melalui *Modification of Laws (Declaration of Federal Present Laws) (Sabah) Order*, 1965 pada 20 Mei 1965. Namun, sejak tahun 1965 OBS hanya dipinda sekali sahaja iaitu pada tahun 2005 berbanding Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang telah dipinda sebanyak 12 kali.
3. Sehubungan itu, peruntukan di bawah OBS perlu diselaraskan dengan peruntukan di bawah Akta 265 agar pekerja-pekerja di Sabah dapat menikmati perlindungan yang sama dengan pekerja-pekerja di Semenanjung. Selain itu, cadangan pindaan ini juga turut melibatkan penyelarasan peruntukan di bawah OBS dengan peruntukan di bawah Akta Kanak- Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350] dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang terpakai serta berkuat kuasa di Semenanjung, bersesuaian dengan pemakaiannya di Wilayah Sabah.
4. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2022 agar pindaan kepada OBS juga dibuat sebagaimana Akta Kerja 1955 di Semenanjung. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah atas persetujuan yang telah diberikan untuk meminda OBS bagi memastikan kebajikan pekerja dapat dipertingkatkan melalui cadangan pindaan tersebut.

5. Sekiranya Pindaan Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) ini diluluskan oleh Dewan Parlimen, sudah pasti hak-hak dan faedah yang akan dinikmati oleh majikan dan pekerja di Wilayah Sabah adalah setara sebagaimana yang telah dinikmati oleh pekerja di Semenanjung. Dengan pindaan Ordinan Buruh Sabah ini sudah pasti akan menaikkan imej Wilayah Sabah di peringkat antarabangsa terutamanya berkaitan dengan isu-isu human rights dan labour rights, isu penghapusan diskriminasi dan juga isu membasmi buruh paksa dan buruh kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).
6. Untuk status semasa, KSM telah melengkapkan draf RUU Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2023 dan draf RUU tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan serta kelulusan. Pada ketika ini, Jabatan Peguam Negara sedang meneliti draf RUU tersebut dan sebaik sahaja kelulusan diperolehi, ia akan dibenteng dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapat persetujuan sebelum boleh dibawa ke Parlimen.
7. Pindaan ini pada asalnya dirancang untuk dibentangkan dalam sesi Parlimen pada bulan November 2023, namun bagi memastikan semua perkara berkaitan perburuhan dapat diambil kira dengan teliti, KSM masih memperhalusi lagi pindaan pada kali ini agar ianya dapat mengambil kira kepentingan dan kondisi semua pihak meliputi 187 ribu majikan yang sedang beroperasi dan 2.038 juta pekerja yang sedang bekerja di Wilayah Sabah.
8. Oleh kerana pindaan ini melibatkan pindaan yang besar (major amendment), masa yang secukupnya perlu diberikan agar draf cadangan pindaan yang disemak dan diluluskan adalah lengkap dan menyeluruh. KSM menyasarkan RUU OBS dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Parlimen yang akan datang.

**YB DATUK Ts. MUSTAPHA SKAMUD**  
**TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**1 NOVEMBER 2023**